



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 15 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	DBKL, UNICEF METERAI MOU PERKASA BANDAR MESRA KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dbkl-unicef-meterai-mou-perkasa-bandar-mesra-kanakkanak-534197?utm_source=pulse-microsite&utm_medium=belanjawan2025&utm_campaign=20250814+Pulse	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MORE DEMAND FOR AUTISM CENTRES IN SABAH		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1260062/more-demand-autism-centres-sabah	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	30,491 RAKYAT PAHANG TERIMA SKIM BANTUAN BULANAN JKM SETAKAT JUN		POSITIF
	https://pahangmedia.my/archives/47906	PAHANGMEDIA.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PEMBANTU KEDAI INTAI ANAK TIRI MANDI DIREMAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/14/pembantu-kedai-intai-anak-tiri-mandi-direman/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/743406/berita/semasa/lelaki-direman-disyaki-cabul-intai-anak-tiri-remaja	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/pembantu-kedai-direman-disyaki-cabul-intai-anak-tiri-mandi/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/08/14/bapa-tiri-disyaki-cabul-skodeng-anak-gadis-mandi-dan-tidur/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/14/shop-assistant-remanded-for-allegedly-molesting-stepdaughter	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	LELAKI DITAHAN CEKIK, PUKUL DAN UGUT BUNUH ISTERI		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/14/lelaki-ditahan-cekik-pukul-dan-ugut-bunuh-isteri	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/14/lelaki-ditahan-disyaki-ugut-bunuh-isteri/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	REMAJA DITAHAN DISYAKI CABUL, CEDERAKAN PELAJAR PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/14/remaja-ditahan-disyaki-cabul-cederakan-pelajar-perempuan	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/14/remaja-dicekup-cabul-pukul-pelajar-perempuan-di-tawau/	TVSARAWAK.MY	
	https://newsabahnews.com/2025/08/14/cabul-dan-pukul-pelajar-perempuan-selepas-kena-tolak-check-in-hotel/	NEWSABAHNEWS.COM	
	https://sabahnews.com.my/lelaki-ditahan-cabul-dan-cederakan-pelajar-perempuan-di-jalan-kuhara/	SABAHNEWS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	GURU DIPERINTAH BELA DIRI KES CABUL MURID LELAKI DALAM PERPUSTAKAAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1433332/guru-diperintah-bela-diri-kes-cabul-murid-lelaki-dalam-perpustakaan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252239/lelaki-cabul-murid-dalam-perpustakaan-diperintah-bela-diri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/08/14/teacher-who-molested-boy-in-library-ordered-to-enter-defence	FREEMALAYSIATODAY.COM	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PEMBANTU KEDAI DIPENJARA 57 TAHUN, 5 SEBATAN ATAS KESALAHAN ROGOL		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pembantu-kedai-dipenjara-57-tahun-5-sebatan-atas-kesalahan-rogol/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



DBKL, UNICEF meterai MoU perkasa bandar mesra kanak-kanak

astro AWANI
14/08/2025 | 18:51 MYT



Kerjasama ini melibatkan dua inisiatif utama iaitu Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak (Child Friendly Cities Initiative, CFCI) dan Program ASUH KL. - Foto UNICEF Malaysia.

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada Khamis bagi mengutamakan kanak-kanak dalam perancangan bandar dan perlindungan sosial.

Kerjasama itu melibatkan dua inisiatif utama iaitu Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak (Child Friendly Cities Initiative, CFCI) dan Program ASUH KL.

Kedua-duanya mencerminkan perubahan besar daripada membina bandar berasaskan infrastruktur semata-mata kepada membangunkannya mengikut keperluan dan realiti harian kanak-kanak.

MoU yang ditandatangani sempena Forum Urbanisasi Mampan ASEAN itu turut menandakan penyertaan rasmi Kuala Lumpur dalam gerakan global CFCI dan pelancaran inisiatif perintis bantuan sosial pertama di Malaysia untuk kanak-kanak kecil di perumahan awam.

Kerjasama itu menjadi langkah penting mengubah perancangan masa depan Kuala Lumpur dengan mengutamakan hak, keperluan dan kesejahteraan kanak-kanak, selaras dengan keutamaan negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk mengurangkan kemiskinan kanak-kanak serta membina bandar inklusif.

Wakil UNICEF ke Malaysia, Robert Goss berkata usaha itu meletakkan asas kepada masa depan di mana bandar dibentuk agar lebih responsif terhadap hak, suara dan impian kanak-kanak.

"Apabila kita memeterai kerjasama ini, kita meletakkan kanak-kanak di nadi pembangunan bandar," katanya.

Beliau turut merujuk kepada kajian UNICEF Living on the Edge 2024 yang mendapati separuh isi rumah di perumahan kos rendah Kuala Lumpur mengurangkan pengambilan makanan, malah ada kanak-kanak yang terpaksa berpuasa makan kerana kesempitan kewangan.

"Memastikan setiap kanak-kanak mendapat makanan berkhasiat mesti menjadi keutamaan bersama," tegasnya.

Sebagai sebahagian pelaksanaan CFCI, DBKL akan menjalankan analisis bandar secara menyeluruh untuk memahami realiti hidup semua kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di perumahan awam, berkeperluan khas, atau dalam persekitaran berisiko.

Dapatan itu akan membentuk Pelan Tindakan CFCI tiga tahun yang dihasilkan bersama kanak-kanak bagi memastikan penyertaan belia yang bermakna dalam keputusan majlis bandaraya.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif berkata DBKL akan menubuhkan Majlis Kanak-Kanak pertama sebagai pengiktirafan bahawa golongan itu adalah sebahagian daripada teras People dalam pendekatan 4P bandar iaitu Public (Awam), Private (Swasta), People (Masyarakat) dan Partnership (Kerjasama).

DBKL sebelum ini telah melaksanakan beberapa inisiatif mesra kanak-kanak termasuk perkhidmatan bas percuma GoKL untuk kanak-kanak bawah 12 tahun, zon sekolah lebih selamat dengan kerjasama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Global Designing Cities Initiative (GDCl), serta perpustakaan mainan dan ruang permainan di pusat komuniti seperti UTC Sentul.

Program ASUH KL pula menggabungkan bantuan kewangan bulanan dan aktiviti komuniti berkaitan pemakanan untuk ibu mengandung dan kanak-kanak bawah lima tahun di perumahan awam Kuala Lumpur.

Di bawah Belanjawan 2025, setiap kanak-kanak bawah lima tahun akan menerima RM150 sebulan dari Ogos hingga Disember 2025, dengan kemungkinan bakal dilanjutkan.

UNICEF bekerjasama dengan DBKL dan rakan tempatan bagi melaksanakannya, dengan pemantauan dan penilaian keberkesanan sebelum diperluas pada masa hadapan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



More demand for autism centres in Sabah

By *Olivia Miwil* - August 14, 2025 @ 2:47pm



Sabah Community Development and People's Wellbeing Minister Datuk James Ratib said cases in the state had risen from about 4,700 autistic children in 2023 to around 6,122 this year. NSTP / OLIVIA MIWIL

KOTA KINABALU: The increasing number of children diagnosed with autism in Sabah has prompted calls for more dedicated centres to provide early intervention and specialised care.

State Community Development and People's Wellbeing Minister Datuk James Ratib said cases in the state had risen from about 4,700 autistic children in 2023 to around 6,122 this year.

"This is why, together with the Sabah Welfare Services Department and Universiti Malaysia Sabah (UMS), we took the initiative to build the first autism centre in Sabah.

"We need more professionally trained teachers. Currently, we have about 10, assisted by four others.

"We hope to increase this number and even send some teachers to Singapore to learn best practices in managing autistic children," he told the reporters after launching the facility that accommodates 92 children aged 3 to 7.

The centre has been in operation since April. Similar facilities will be established in Tawau, Sandakan, Kudat and Beaufort.

James added that parents should not feel ashamed of seeking help for their children, adding that early intervention could significantly improve outcomes.

He said that the centre charges a subsidised monthly fee of RM300 as compared to other private centres charge around RM1,300 a month, while some go up to RM2,700.

"In Singapore, parents pay about RM14,000 a month. Our fee is the lowest in Malaysia for such a facility," he said, urging government-linked companies to do their part in funding future similar facilities in Sabah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30,491 RAKYAT PAHANG TERIMA SKIM BANTUAN BULANAN JKM SETAKAT JUN

14 August, 2025



Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Ke-15, di Wisma Sri Pahang.

Oleh: Norhafizan Zulkifli

Foto : Farizul Hafiz Awang

KUANTAN, 14 OGOS 2025 : Seramai 30,491 rakyat di negeri ini menerima Skim Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melibatkan pelbagai kategori bantuan bagi golongan yang berkeperluan, setakat Jun tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan berkata, bantuan tersebut diberikan kepada mereka yang memenuhi syarat kelayakan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi membantu penerima meneruskan kehidupan yang lebih baik dan berkualiti.

Katanya, pecahan penerima meliputi 2,885 penerima Bantuan Kanak-kanak, 6,129 penerima Bantuan Warga Emas, 6,032 penerima Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), 7,232 penerima Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), 2,599 penerima Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlanter (BPT) dan 2,614 penerima Bantuan Am.

"Pemberian bantuan ini berdasarkan prinsip kerja sosial untuk meningkatkan kefungsi sosial mereka. Waris boleh membuat permohonan perkhidmatan jabatan dan permohonan akan disiasat serta dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat kelayakan bantuan kewangan," katanya ketika menjawab soalan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lanchang, YB. Tuan Hasan Omar pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini.

Beliau turut menjelaskan selain bantuan kewangan, waris yang kehilangan ahli keluarga, terutamanya melibatkan golongan B40 atau kematian mengejut juga boleh memohon perkhidmatan intervensi kaunseling melalui JKJ.

"Selain dari itu, JKJ juga menyediakan perkhidmatan intervensi kaunseling kepada waris yang mengalami trauma akibat kehilangan secara tiba-tiba, termasuk kes bunuh diri, kemalangan atau tragedi bencana," ujarnya.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) turut menyediakan sumbangan bagi pengurusan jenazah melibatkan penerima bantuan bulanan MUIP, jenazah tiada waris atau tidak dituntut yang beragama Islam serta golongan muafak yang memerlukan.

"Sumbangan bagi pengurusan jenazah tersebut akan disalurkan kepada masjid yang menguruskan jenazah berkenaan dengan kadar tidak melebihi RM2,000," katanya lagi. -PAHANGMEDIA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SUSPEK diiringi anggota polis bagi mendapatkan perintah reman di Mahkamah Majistret Melaka. - Foto oleh HAMIZAN MISKON / KOSMO!

Pembantu kedai intai anak tiri mandi direman

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 14 Ogos 2025, 1:29 pm

MELAKA – Seorang pembantu kedai direman lima hari bermula hari ini selepas disyaki melakukan amang seksual dan mengintip anak perempuannya yang berusia 15 tahun ketika mangsa mandi serta tidur, sejak Mei lalu.

Perintah reman sehingga 18 Ogos itu dikeluarkan Majistret Mahkamah Melaka, N. Sivashangari terhadap suspek lelaki berusia 41 tahun itu bagi membolehkan siasatan dilakukan pihak polis mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Menurut sumber, kejadian bermula pada 30 Mei lalu selepas berlaku perselisihan faham antara mangsa, yang juga merupakan pengadu dengan ibunya di kediaman mereka di Duyong.

“Selepas perselisihan faham itu berlaku, tiba-tiba suspek bertindak memeluk erat mangsa, yang pada awalnya dipercayai cuba untuk memujuknya.

“Namun pada 10 Jun lalu, lelaki itu telah menghantar mesej memberitahu ingin memeluk lagi tetapi mangsa menolak dan memberikan alasan berasa tidak selesa,” katanya.

Tambahnya, mangsa juga mendakwa bapa tirinya sering mengintip ketika dia sedang mandi dan tidur, tingkah laku lelaki itu membuatkan pengadu ketakutan sebelum memaklumkan perkara itu kepada ibunya pada Selasa lalu.

“Mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Kandang pada hari yang sama.

“Susulan itu, sepasukan anggota dari Cawangan D11 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka berjaya menahan suspek petang semalam dan permohonan reman dibuat pagi ini,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki ditahan cekik, pukul dan ugut bunuh isteri

🕒 Ogos 14, 2025, Khamis - 12:38pm



TANGKAP: Suspek ditahan dan dibawa ke IPD Tawau untuk siasatan lanjut.

TAWAU: Seorang lelaki ditahan selepas dipercayai mencekik, menumbuk dan mengugut bunuh isterinya dalam kejadian di rumah mereka, Selasa lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendan Champin Piu berkata, kejadian kira-kira jam 6.30 petang itu berlaku susulan pertengkaran antara pasangan berkenaan.

“Suspek, 31, mencekik dan menumbuk mangsa hingga menyebabkan bengkak di telinga kanan dan bahagian atas pipi.

“Suspek turut mengugut mangsa dengan kata-kata ancaman bunuh,” katanya dalam kenyataan media hari ini.

Katanya, mangsa, yang juga berusia 31 tahun, membuat laporan polis pada jam 9.16 pagi keesokan harinya.

“Pasukan Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) IPD Tawau menahan suspek kira-kira jam 5 petang di kawasan parkir depan sebuah bank di bandar ini.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan ugutan jenayah,” katanya.

Champin menasihatkan mangsa keganasan rumah tangga supaya tidak berdiam diri dan segera membuat laporan polis kerana tindakan awal boleh menyelamatkan nyawa.

👤 oleh Hamzah Sanudin

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja ditahan disyaki cabul, cederakan pelajar perempuan

© Ogos 14, 2025, Khamis - 2:14pm



PADAH: Remaja lelaki disyaki cabul dan cederakan pelajar perempuan ditahan.

TAWAU: Polis menahan seorang remaja lelaki kerana disyaki mencabul dan mencederakan seorang pelajar perempuan di kawasan kedai-kedai di Jalan Kuhara, minggu lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendent Champin Pihui berkata sebelum itu, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu daripada mangsa.

Katanya, tangkapan dilakukan oleh sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) IPD Tawau kira-kira jam 4 petang semalam di tepi Bangunan Eastern Plaza, Jalan Kuhara.

“Siasatan mendapati pada 7 Ogos lalu, kira-kira jam 4 petang, mangsa berusia 18 tahun berjumpa dengan suspek di kawasan kedai Jalan Kuhara selepas berkenalan melalui telefon.

“Suspek kemudian mengajak mangsa ke hotel, namun mangsa menolak,” katanya dalam kenyataan media, di sini hari ini.

Beliau berkata, suspek kemudian bertindak agresif dengan memaksa dan menumbuk mangsa di bahagian lengan dan perut, menyebabkan lebam serta kesakitan.

Menurutnya, hasil tangkapan itu membawa kepada rampasan sebuah kenderaan pacuan empat roda beserta kunci kereta yang dipercayai digunakan dalam kejadian.

“Suspek, warga tempatan berusia 17 tahun direman untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksan kerana mencabul dan Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana mendatangkan kecederaan,” katanya.

Sementara itu, Champin menasihatkan orang ramai agar lebih berwaspada, khususnya ketika berurusan dengan individu yang baru dikenali, dan segera membuat laporan polis sekiranya menjadi mangsa jenayah.

🗨️ oleh Hamzah Sanudin

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru diperintah bela diri kes cabul murid lelaki dalam perpustakaan

Oleh Alias Abd Rani - Ogos 14, 2025 @ 5:52pm



MUAR: Seorang guru diperintahkan membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang murid lelaki di dalam bilik perpustakaan sebuah sekolah di Tangkak pada 2019 dan 2020.

Hakim Sayani Mohd Nor membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Mohd Fauzi Musa, 37, bagi dua pertuduhan dihadapinya.

Ketika membaca keputusan di akhir pendakwaan, Sayani berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira dan meneliti segala keterangan saksi pendakwaan serta ekshibit dikemukakan di mahkamah.

"Selain itu, mahkamah meneliti keterangan bertulis daripada pihak pendakwaan dan pembelaan sepanjang percabaran kes ini berlangsung.

"Oleh itu, kamu (tertuduh) diperintah membela diri. Mahkamah memberikan tiga pilihan pada peringkat pembelaan sama ada membuatakuan bersumpah dari kandang saksi,akuan tidak bersumpah atau memilih untuk berdiam diri," katanya.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu terhadap mangsa lelaki berusia sembilan tahun (ketika kejadian) yang mana tertuduh mempunyai hubungan amanah sebagai guru.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan di dalam perpustakaan sekitar jam 3 dan 4 petang pada November 2019 dan 2 Januari 2020.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama.

Seksyen 14(a) memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan sebatan, manakala Seksyen 16(1) pula tambahan hukuman membabitkan penjara maksimum lima tahun dan dua kali sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Ismail, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Hanif Hassan.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh 10 dan 11 November depan untuk tertuduh membela diri.

Berdasarkan laporan, tertuduh didakwa menyuruh mangsa masuk ke dalam sebuah bilik perpustakaan sebelum mengunci pintu dan melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa.

Kejadian dikatakan terbongkar selepas rakannya memberitahu ibu mangsa yang menghadiri mesyuarat di sekolah itu pada Januari 2020 sebelum membuat laporan polis.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pembantu kedai dipenjara 57 tahun, 5 sebatan atas kesalahan rogol

🕒 14 Ogos 2025, 6:36pm



Tertuduh dipenjara 57 tahun dan lima sebatan atas kesalahan merogol kanak-kanak berusia 10 tahun.

Oleh: Mohd Ishak Abdillah Ngah

KUALA TERENGGANU: Seorang pembantu kedai makan dihukum penjara 57 tahun dan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas kesalahan merogol kanak-kanak berusia 10 tahun.

Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli membuat keputusan itu selepas tertuduh berusia 30 tahun mengaku bersalah terhadap lima pertuduhan merogol.

Bagi pertuduhan pertama, kedua dan ketiga, tertuduh didakwa merogol mangsa di dalam stor garaj kereta sebuah rumah di daerah ini pada Mac 2022.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 376(2)(e) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan sebatan.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan.

Bagi dua lagi pertuduhan, tertuduh didapati bersalah merogol mangsa di sebuah tandas surau pada Jun 2022, dengan hukuman 12 tahun penjara dan satu sebatan bagi setiap kesalahan.

Sementara itu, bagi pertuduhan terakhir, tertuduh melakukan perbuatan sama di tepi pondok berhampiran sungai pada Mei 2023.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Semua hukuman penjara diperintah berjalan serentak bermula dari tarikh tertuduh ditangkap pada 15 Disember 2023.